



Laluan Berkhutbah

Sebuah penerbitan Pusat Pengajian Lutheran di Seminari Teologi Sabah

Pilihan Untuk Melayani Tuhan

Teks: Yosua 24:[1-13], 14-25

24:14 Oleh sebab itu, takutlah akan TUHAN dan beribadahlah kepada-Nya dengan tulus ikhlas dan setia. Jauhkanlah allah yang kepadanya nenek moyangmu telah beribadah di seberang sungai Efrat dan di Mesir, dan beribadahlah kepada TUHAN. **15** Tetapi jika kamu anggap tidak baik untuk beribadah kepada TUHAN, pilihlah pada hari ini kepada siapa kamu akan beribadah; allah yang kepadanya nenek moyangmu beribadah di seberang sungai Efrat, atau allah orang Amori yang negerinya kamu diami ini. Tetapi aku dan seisi rumahku, kami akan beribadah kepada TUHAN!¹ **16** Lalu bangsa itu menjawab: "Jauhlah dari pada kami meninggalkan TUHAN untuk beribadah kepada allah lain! **17** Sebab TUHAN, Allah kita, Dialah yang telah menuntun kita dan nenek moyang kita dari tanah Mesir, dari rumah perbudakan, dan yang telah melakukan tanda-tanda mujizat yang besar ini di depan mata kita sendiri, dan yang telah melindungi kita sepanjang jalan yang kita tempuh, dan di antara semua bangsa yang kita lalui, **18** TUHAN menghalau semua bangsa dan orang Amori, penduduk negeri ini, dari depan kita. Kamipun akan beribadah kepada TUHAN, sebab Dialah Allah kita." **19** Tetapi Yosua berkata kepada bangsa itu: "Tidaklah kamu sanggup beribadah kepada TUHAN, sebab Dialah Allah yang kudus, Dialah Allah yang cemburu. Ia tidak akan mengampuni kesalahan dan dosamu. **20** Apabila kamu meninggalkan TUHAN dan beribadah kepada allah asing, maka Ia akan berbalik dari padamu dan melakukan yang tidak baik kepada kamu serta membinasakan kamu, setelah Ia melakukan yang baik kepada kamu dahulu." **21** Tetapi bangsa itu berkata kepada Yosua: "Tidak, hanya kepada TUHAN saja kami akan beribadah." **22** Kemudian berkatalah Yosua kepada bangsa itu: "Kamulah saksi terhadap kamu sendiri, bahwa kamu telah memilih TUHAN untuk beribadah kepada-Nya." Jawab mereka: "Kamilah saksi!" **23** Ia berkata: "Maka sekarang, jauhkanlah allah asing yang ada di tengah-tengah kamu dan condongkanlah hatimu kepada TUHAN, Allah Israel." **24** Lalu jawab bangsa itu kepada Yosua: "Kepada TUHAN, Allah kita, kami akan beribadah, dan firman-Nya akan kami dengarkan." **25** Pada hari itu juga Yosua mengikat perjanjian dengan bangsa itu dan membuat ketetapan dan peraturan bagi mereka di Sikhem.

Ditulis oleh:

Rev. Dr. Eric Trozzo,

Pengarah Pusat Pengajian Lutheran

(Lutheran Study Centre) di STS

"Laluan Berkhutbah" adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://laluankhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc

Pilihan Untuk Melayani Tuhan

Sinopsis:

Yosua telah memimpin orang Israel untuk masuk ke Tanah Perjanjian. Saga melepaskan diri dari perhambaan, pengembaraan di padang gurun, memasuki Tanah Perjanjian, dan pengambilan tanah itu telah dicapai. Teks yang disenaraikan diatas sebagai “[1-13,] [14-25]” kerana seorang pengkhotbah mungkin tidak akan membaca keseluruhan teks tersebut tetapi dia harus sedar dan tahu tentang keseluruhan teks tersebut dan memasukkan semua bahagian di dalam khotbah.



Di bahagian yang pertama, Yosua mengumpulkan semua orang dan mengingatkan mereka tentang apa yang Tuhan telah lakukan untuk mereka. Dia menceritakan kembali cerita tentang bagaimana Tuhan memimpin Abraham ke tanah Perjanjian dan memberikan tanah tersebut kepada dia, dan seterusnya, Yakub pergi ke Mesir. Yosua meneruskannya dengan Tuhan memimpin orang-orang Israel dari perhambaan kepada kebebasan; dan dari padang gurun ke

Tanah Perjanjian. Setelah memberitahu mereka tentang cerita-cerita tersebut, Yosua mahu mereka memilih sama ada mahu melayani Tuhan sebagai balasan, dan mereka menyerahkan seluruh jiwa raga mereka untuk melakukannya. Tetapi Yosua tidak menerima perjanjian mereka untuk melayani Tuhan. Hanya selepas mereka mengulanginya dan Yosua membuat perjanjian baru, menyenaraikan komitmen dan tanggungjawab yang harus dilaksanakan untuk melayani Tuhan.

Hukum di dalam Teks:

Yosua 24:14-15 ialah teks yang biasa didengar, dan pernah mendengar khotbah mengenainya. Dalam teks itu, Yosua memberikan pilihan kepada orang-orang Israel. Mereka perlu memilih samaada mereka mahu melayani Tuhan atau tidak. Dia sendiri membuat keputusan bagi pihak keluarganya bahawa mereka akan terus setia kepada Allah yang telah membimbing mereka keluar dari Mesir. Ayat-ayat teks ini, bila didengar dan dibaca, adalah mengenai hukum. Ianya berbunyi seperti,

“Hari ini kita harus membuat keputusan sama ada kita mahu bersama Kristus atau tidak.”

“Laluan Berkhotbah” adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://lalanberkhotbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc



Pilihan Untuk Melayani Tuhan

Hukum di dalam Teks: (bersambung dari mukasurat 2)

Walau bagaimanapun, saya fikir, untuk membuat keputusan, yang kita pasti tentang hukum yang disebut dengan jelas di dalam teks ini. Malah ianya penting untuk membaca keseluruhan teks untuk melihat bagaimana ayat-ayat ini berfungsi.

Bab-bab ini dimulakan dengan Yosua mengumpulkan semua orang. Kemudian dia menceritakan kembali tentang cara Tuhan memilih dan memimpin mereka. Walaupun ianya tidak dibuat di dalam penceritaan Yosua tentang apa yang Tuhan telah lakukan (ayat 1-13) di dalam penyembahan disebabkan oleh panjangnya pembacaan, ianya perlu untuk bercakap mengenainya di dalam khotbah untuk menjelaskan perenggan tersebut yang bermula di ayat 14. Hanya selepas Yosua memberitahu tentang apa yang Tuhan lakukan untuk mereka, barulah Yosua meminta mereka untuk membuat pilihan. Apabila mereka mengatakan yang mereka memilih untuk melayani Tuhan, barulah Yosua menegur mereka bahawa tiada sesiapa pun boleh melakukannya. Namun, mereka tetap berkeras bahawa mereka akan melayani Tuhan. Disebabkan itulah, Yosua menulis perjanjian tentang apakah maksud melayani Tuhan itu.

Hukum di dalam teks ini, saya temukan pada penolakan Yosua tentang peneguhan orang-orang Israel tentang pelayanan mereka. Dia memberitahu mereka bahawa ianya mustahil untuk melayani Tuhan. Seorang pengulas alkitabiah, Trent C Butler berpendapat bahawa sebab-sebab mengapa orang-orang Israel berikrar untuk melayani Tuhan adalah berbeza daripada cerita mengenai apa yang Tuhan telah lakukan seperti apa yang Yosua telah beritahu. Yosua menekankan tentang kemenangan Yahweh yang menentang orang-orang yang menganiaya Israel, tetapi orang-orang ini mengenal dan menyebut tanda perbuatan Yahweh.

Butler juga mencadangkan bahawa Yosua melihat perbezaan ini bahawa orang-orang Israel tidak memahami maksud sebenarnya mengenai melayani Tuhan. Mereka berpendapat bahawa Yahweh sama seperti allah-allah lain yang mereka sembah. Bagi mereka, allah-allah ini tidak membuat hal yang istimewa seperti apa yang Yahweh lakukan.



Sebagai balasan kepada mukjizat dan tanda untuk perlindungan, agama-agama bagi allah-allah ini mahu orang-orang tersebut melayani mereka dengan membina bangunan, rumah-rumah dan mempersembahkan korban.

Pilihan Untuk Melayani Tuhan

Hukum di dalam Teks: (bersambung dari mukasurat 3)

Ia merupakan satu urusan niaga: lakukan upacara ini dan sebagai balasan Allah akan melindungi kamu ketika kamu memerlukan melalui perbuatan yang luar biasa. Sedangkan, di dalam teori tersebut, agama ini mungkin memerlukan penyerahan yang eksklusif, di dalam tindakan, hal ini tidaklah berat untuk orang-orang yang memnyembah untuk memenuhi syarat-syarat untuk beberapa agama-agama yang berlainan.

Sebagai gambaran yang dapat membantu kita disini adalah akaun bank. Kita menyimpan duit kedalam akaun bank kerana kita mahu perniagaan yang eksklusif, yang tiada apapun dapat menghalang kita untuk membuka akaun bank baru di beberapa bank yang lain. Kita mempunyai hubungan urusan niaga dengan bank, dan ramai orang sekarang ini yang sama seperti yang Yosua sebutkan di dalam teks mengenai hubungan dengan Allah di dalam terma-terma ini. Kita bertindak di dalam pelayanan kita pada Tuhan agar apabila kita memerlukan bantuan, Tuhan akan datang membantu kita.



Yosua memberitahu orang Israel bahawa Allah menginginkan lebih daripada ini. Melayani Tuhan dengan berdasarkan kepada sikap Allah, bukan tentang apa yang Allah lakukan melalui perbuatan-perbuatan mukjizatnya. Allah yang kita kenal adalah Allah yang cemburu dan senantiasa menyala. Itulah yang menunjukkan kasih Allah kepada orang-orang Israel. Kasih inilah yang bermaksud Allah sepenuhnya bersama-sama dengan orang Israel. Perlindungan Allah bukan melalui tanda atau mukjizat sebagai tindak balas kepada perbuatan kecil yang dilakukan sebagai tindakan pelayanan. Tetapi Allah bertanggungjawab sepenuhnya keatas orang-orang Israel dan melindungi mereka kerana KasihNya terhadap orang-orang ini. Sebagai balasan kepada Kasih yang berharga itu, Allah memanggil mereka sebagai tanda Kasih mereka kepada Allah. Pelayanan kepada Allah juga, bukan sekadar melakukan upacara-upacara tertentu, tetapi dengan komitmen sepenuh hati mereka untuk hidup di dalam kekudusan dan saling mengasihi seperti yang Allah inginkan. Hal ini diambil kira sebagai satu piawaian yang tinggi untuk pelayanan dan penyerahan. Ianya sangat menuntut seluruh kasih Allah sehinggakan Yosua berkeras bahawa orang-orang Israel tidak akan dapat mencapainya. Pelayanan yang sebenar adalah melampaui batas manusia. Manusia dengan senang dicubai untuk mengambil jalan yang mudah dengan melakukan upacara-upacara asas tentang penyerahan dan kemudiannya menyambung kembali dengan melakukan apa yang mereka mahu lakukan.

"Laluan Berkhutbah" adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://laluankhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc

Pilihan Untuk Melayani Tuhan

Hukum di dalam Teks: (bersambung dari mukasurat 4)

Inilah yang dimaksudkan dengan percubaan untuk melayani allah-allah yang asing dan pelik. (Yosua 24:23). Allah, sebaliknya menuntut komitmen yang penuh. Yosua menyedari bahawa orang-orang ini akan gagal untuk memenuhi tuntutan tersebut.

Dalam erti kata yang lain, tuntutan yang kita temui dalam teks ini adalah mengasihi Allah dengan sepenuh hati kita. Kita dipanggil untuk melakukan hal ini bukan kerana Allah telah melakukan banyak perkara untuk kita, tetapi kerana Allah adalah Tuhan kita dan layak menerima pujian dan pelayanan kita. Yosua memberitahu kita ini adalah mustahil. Kita membalasnya dengan kepentingan



diri kita di dalam memuji dan melayani Allah kerana kita melihat dengan melakukan hal tersebut, akan membantu kita.

Injil di dalam teks:

Walaupun orang-orang Israel mungkin tidak dapat memenuhi panggilan Tuhan untuk memberikan sepenuhnya komitmen mereka, Allah tetap setia. Allah tidak pernah berundur daripada komitmen yang Allah telah buat untuk orang-orang Israel. Orang-orang Israel adalah umat pilihan Allah, dan mereka akan kekal begitu tanpa melihat kepada kelemahan mereka untuk mengasihi Allah sebagai balasan. Allah tetap memimpin mereka sejauh itu, daripada perhambaan untuk kembali kepada Tanah yang Allah telah berikan kepada mereka.

Apabila mendengar teguran Yosua, orang-orang Israel memberikan maklumbalas kedua yang lebih menyedihkan. Namun maklumbalas ini kekal positif: mereka berikrar untuk melayani Tuhan. sebagai jawapan kepada komitmen dan kasih yang Tuhan tunjukkan kepada mereka, mereka akan membalasnya dengan kasih untuk Allah. Namun begitu, untuk kali ini, ikrar itu bukanlah mudah untuk melayani dan taat, tetapi mendengar suara Allah dengan ketaatan. Di dalam Yosua 24:23, Yosua memberitahu mereka untuk menunjukkan hati mereka kepada Allah, dan di dalam Yosua 24:24, mereka menjawab bahawa mereka akan melayani dan taat. Ketaatan mereka adalah sesuatu yang baru di dalam ikrar mereka. Ia menyebut bahawa Allah bukan sahaja akan muncul ketika pada saat mereka memerlukan untuk melindungi mereka melalui perbuatan mukjizat dan kuasa, tetapi akan terus membimbing dan berbicara dengan orang-orang Israel.

"Laluan Berkhutbah" adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://laluankhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc



Pilihan Untuk Melayani Tuhan

Injil di dalam teks: (bersambung dari mukasurat 5)

Ini adalah anugerah yang dilihat dalam bentuk tindakan dalam perhubungan yang Allah berikan kepada orang-orangNya. Allah tetap kekal setia kepada mereka tanpa mengambilkira tentang penyerahan mereka. Malahan, hubungan yang sentiasa berterusan ini merujuk kepada pelayanan yang sebenarnya kepada Allah. Melayani Allah bukanlah tentang upacara penyembahan tetapi lebih kepada mendengar suara Allah dan membalasnya dengan kasih. Pelayanan untuk Tuhan adalah tentang hubungan yang berterusan yang berdasarkan kepada kasih Allah dan respon di dalam kasih. Hubungan ini adalah asas untuk semua kitab Ibrani. Yang sebenarnya, ia adalah hubungan yang bernilai yang kemudiannya difahami oleh orang-orang Kristian, dijelaskan di dalam Kristus. Malahan hubungan tersebut menjadi asas di dalam kehidupan seorang Kristian.



Transformasi di dalam teks:

Orang ramai datang untuk memperolehi pemahaman tentang maksud hubungan Allah dengan mereka. Pada permulaannya mereka beranggapan bahawa Allah adalah seperti semua allah-allah lain yang dipercayai oleh orang-orang sekeliling mereka. Interaksi dengan allah-allah lain difahami sebagai satu transaksi. Mereka perlu melakukan penyembahan untuk allah, dan sebagai balasan Allah harus melakukan mukjizat-mukjizat untuk melindungi mereka. Sekarang mereka mula memahami bahawa pekerjaan Allah bukan seperti itu. Allah mahukan satu hubungan yang berterusan, dengan berdasarkan kepada kekudusan Allah dan kesetiaan. Allah mahu penyerahan yang benar melalui kasih dan ketaatan.

Dan bila orang-orang Israel mula mengenal apa maksudnya melayani Allah, dan berikrar, Yosua membuat satu perjanjian. Yosua menuliskannya di dalam alkitab hukum dan menetapkan satu batu sebagai peringatan kepada hubungan dengan Allah kepada orang-orang yang telah meletakkan komitmen kepada diri mereka. Ia adalah peringatan bahawa Allah bukan sahaja bertindak di masa yang lepas, tetapi Allah masih lagi terus berbicara dan bertindak. Hubungan tersebut berterusan. Melalui perjanjian ini, mereka dikuatkan untuk terus berhubung dengan Tuhan, mendengar Tuhan berbicara. Kerana mereka akan terus menjadi orang-orang pilihan Allah, mereka akan terus dipanggil untuk hidup sebagai murid-murid kepada ajaran Allah. Inilah pekerjaan dan perubahan yang Allah lakukan di dalam sesebuah komuniti.

"Laluan Berkhutbah" adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://laluankhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre Lsc



Pilihan Untuk Melayani Tuhan

Refleksi Teologi:

Seringkali teks ini didengar sebagai satu testimoni keatas pentingnya keputusan seseorang untuk mengikut Allah. Dalam masa yang sama, inilah elemen yang penting di dalam teks ini, tetapi ianya bukanlah tema utama teks ini. Tema utama adalah kesetiaan Allah. Allah menandakan hubungan tersebut dengan memilih Israel dan berterusan membimbing orang-orang Israel. Allah bertekad untuk meneruskan hubungan itu; terus berbicara dengan orang-orangNya, untuk membimbing mereka, untuk kekal setia kepada Allah mereka. Keputusan ini adalah satu respon kepada kesetiaan. Malah meskipun di dalam hal ini, orang-orang ini tidak memahami sepenuhnya apa yang dimaksudkan dengan respon kepada iman.

Saya berani katakan bahawa hal yang sama juga terjadi kepada kita. Allah telah memilih kita dan berterusan membimbing kita, sama ada kita menyedarinya atau tidak. Kita boleh meresponinya dengan pekerjaan Tuhan di dalam kehidupan kita. Walau bagaimanapun, kita seringkali tersalah tafsir tentang respon kita. Seperti orang-orang yang mahu melihat perbuatan Allah melalui mukjizat dan perbuatan ajaib, kita juga meresponi tindakan Allah tetapi tidak mengasihi Allah kerana siapa Allah itu. Sama seperti orang-orang yang disebutkan di dalam teks ini, kita dengan mudah membuat kesimpulan dengan menganggap bahawa kita boleh melayani Allah dan juga boleh meletakkan komitmen kita untuk banyak hal-hal yang lain.

Kita gagal untuk melihat bahawa komitmen kepada Allah itu harus diutamakan. Dari komitmen ini, kita dapat melayani secara teratur di dalam kehidupan kita di dalam nama Allah.

Seperti orang-orang yang disebut di dalam teks, kita sering mengambil jalan mudah di dalam kehidupan rohani kita. Kita fikir: “Saya sudah pergi beribadah, saya sudah berdoa, sekarang saya bebas melakukan apa yang saya mahu lakukan.” Kita mengubah hubungan dengan Allah itu sebagai satu set tugas atau tanggungjawab yang harus dilaksanakan. Kita menganggap Allah sebagai bank.

Oleh yang demikian, kita dapat mendengar ajaran Yosua yang kini diperkatakan lagi kepada kita pada masa kini. Dia mencabar kita untuk mencari lebih dalam lagi tentang hubungan kasih dengan Allah. Kita harus melihatnya sebagai satu cara komunikasi yang berterusan dengan Allah. Allah telah memilih kita dan terus berbicara di dalam kehidupan kita. Sebagai balasan, kita dipanggil untuk mendengar dan mengikutinya di dalam kasih. Walaupun kita sering gagal untuk melakukan tugas yang mudah ini. Kita mencuba untuk mencari jalan yang mudah di luar dari hubungan ini, atau kita mencuba untuk menggunakan Allah untuk kepentingan diri kita sendiri daripada melayani Tuhan.

“Laluan Berkhutbah” adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://lalanberkhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre Lsc



Pilihan Untuk Melayani Tuhan

Refleksi Teologi: (bersambung dari mukasurat 7)

Namun begitu, Allah tetap meneruskan hubungan dengan kita, dan memanggil kita untuk mengikutinya.

Pujian: (Puji-Pujian Kristian. BCCM (BM))

1. Ku Mau Serupa Yesus #193
2. Genap Telah Kuserahkan #199
3. Hai, Bangit Bagi Yesus #211

Apa kata Ahli Teologi:

“Hamba yang setia di dalam panggilan pelayanan, setiap pagi membaca dan mendengar, setiap minggu atau setiap bulan mengajar dan kaunseling pelayanan ini terletak pada hati setiap orang pilihan Allah di mana sahaja mereka berada. Tanpa hal ini, permainan tamat, dan allah-allah dan kerajaannya akan menang. Dengan ini, walaupun kita seringkali berjalan dalam kegelapan, kita harus percaya di dalam nama Allah, dan bersandar kepada Allah, agar pekerjaannya melalui penyembuhan dan perkataan yang unik akan bekerja di dalam kita, dan kuasa yang sebenar di mana kita lihat di dalam Yesus akan terjadi di bumi seperti juga disurga.” – NT Wright, “The Ear of the Servant, The tongue of the Teacher.” (telinga seorang Hamba, lidah seorang guru).

<http://ntwrightpage.com/2016/03/30/the-ear-or-the-servant-the-tongue-of-the-teacher/>

Bibliografi:

Trent C. Butler, *World Biblical Commentary, Volume 7: Joshua*, (Waco, TX: Word Books, 1983.)

“Laluan Berkhutbah” adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://lalanberkhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org


Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc

Menjadi seorang Jiran

Menjadi seorang Jiran

Teks: Lukas 10:25-37

10:25 Pada suatu kali berdirilah seorang ahli Taurat untuk mencobai Yesus, katanya: "Guru, apa yang harus kuperbuat untuk memperoleh hidup yang kekal?" **26** Jawab Yesus kepadanya: "Apa yang tertulis dalam hukum Taurat? Apa yang kaubaca di sana?" **27** Jawab orang itu: "Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu dan dengan segenap akal budimu, dan kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri." **28** Kata Yesus kepadanya: "Jawabmu itu benar; perbuatlah demikian, maka engkau akan hidup." **29** Tetapi untuk membenarkan dirinya orang itu berkata kepada Yesus: "Dan siapakah sesamaku manusia?" **30** Jawab Yesus: "Adalah seorang yang turun dari Yerusalem ke Yerikho; ia jatuh ke tangan penyamun-penyamun yang bukan saja merampoknya habis-habisan, tetapi yang juga memukulnya dan yang sesudah itu pergi meninggalkannya setengah mati. **31** Kebetulan ada seorang imam turun melalui jalan itu; ia melihat orang itu, tetapi ia melewatinya dari seberang jalan. **32** Demikian juga seorang Lewi datang ke tempat itu; ketika ia melihat orang itu, ia melewatinya dari seberang jalan. **33** Lalu datang seorang Samaria, yang sedang dalam perjalanan, ke tempat itu; dan ketika ia melihat orang itu, tergeraklah hatinya oleh belas kasihan. **34** Ia pergi kepadanya lalu membalut luka-lukanya, sesudah ia menyiramnya dengan minyak dan anggur. Kemudian ia menaikkan orang itu ke atas keledai tunggangannya sendiri lalu membawanya ke tempat penginapan dan merawatnya. **35** Keesokan harinya ia menyerahkan dua dinar kepada pemilik penginapan itu, katanya: Rawatlah dia dan jika kaubelanjakan lebih dari ini, aku akan menggantinya, waktu aku kembali. **36** Siapakah di antara ketiga orang ini, menurut pendapatmu, adalah sesama manusia dari orang yang jatuh ke tangan penyamun itu?" **37** Jawab orang itu: "Orang yang telah menunjukkan belas kasihan kepadanya." Kata Yesus kepadanya: "Pergilah, dan perbuatlah demikian!"



"Laluan Berkhutbah" adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://lalanberkhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc



Menjadi seorang Jiran

Sinopsis:

Perumpamaan tentang orang Samaria adalah salah satu daripada perumpamaan Yesus yang paling popular. Yesus menceritakan perumpamaan tentang seorang lelaki yang pergi dari Yerusalem ke Yeriko. Lelaki ini diserang dan dirompak oleh penyamun dan ditinggalkan di tepi jalan. Seorang imam dan orang Lewi hanya berlalu, tidak menghulurkan bantuan. Namun, seorang Samaria melalui kawasan itu dan menolong merawat lelaki itu, membawanya ke rumah penginapan dan memastikan dia mendapat penjagaan yang rapi. Yesus mengakhiri perumpamaan itu dengan soalan, “siapakah jiran bagi lelaki ini?” dengan menerima jawapan bahawa ianya adalah orang Samaria, Yesus menjawab, “pergi dan lakukanlah hal yang sama.”

Hukum di dalam teks:

Ia adalah penting untuk memberikan gambaran bagi perumpamaan ini untuk memahaminya. Yesus tidak sewenang-wenangnya menceritakan tentang betapa pentingnya untuk membantu orang lain. Malah dia menceritakan cerita ini sebagai jawapan kepada perbualannya dengan guru agama yang arif tentang hukum. Para ulama menyoal Yesus apakah yang harus dibuat untuk beroleh keselamatan dan mendapat hidup yang kekal. Sebagai jawapan, Yesus berkata, “apa yang tertulis di dalam hukum? Apa yang kamu baca di situ?” (Lukas 10:26). Para imam menjawab dengan melafazkan tentang ajaran tentang kasihilah Allahmu dengan sepenuh hatimu, seluruh jiwamu, seluruh kekuatanmu dan pemikiranmu; dan menambah, kasihilah jiranmu seperti dirimu sendiri. Yesus mengiyakan jawapan ini dan berkata bahawa sesiapa yang melakukan hal itu mereka akan hidup. Oleh itu, Yesus telah memberikan gambaran yang jelas tentang permintaan Tuhan kepada kita: kita harus mengasihi Allah dengan sepenuh hati kita dan juga melakukan hal yang sama kepada jiran kita juga. Inilah yang Yesus mahukan daripada kita. Ianya mengenai permintaan Tuhan kepada kita agar kita dapat menerima kehidupan yang kekal, dan Yesus menegaskan lagi bahawa jika kita lakukan perkara-perkara ini, kita akan hidup. Namun, para golongan pakar tidak berpuas hati dengan jawapan ini. Mereka mahukan maksud yang sebenar tentang siapakah jiran tersebut. Disebabkan itulah, Yesus menceritakan tentang perumpamaan ini untuk menjawab soalan tentang siapakah yang harus dianggap sebagai jiran-jiran, tetapi juga soalan mengenai apakah syarat-syarat untuk mewarisi kehidupan yang kekal.

Dengan mempertimbangkan persoalan para pakar mengenai siapakah seorang jiran itu, kita dapat memahami maksud sebenar soalan itu yang bertanya apakah sempadan yang harus diletakkan dalam nasihat tersebut untuk berbelas kasihan kepada orang lain. Siapa, yang sebenarnya harus kita kasih untuk memenuhi hukum untuk mengasihi jiran kita? Dalam soal ini, kita melihat perumpamaan Yesus ini yang memberitahu kita bahawa kita harus mengasihi semua orang.

“Laluan Berkhutbah” adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://lalanberkhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc

Menjadi seorang Jiran

Hukum di dalam teks: (bersambung dari mukasurat 10)

Yesus memberikan jawapan kepada percubaan para ahli agama untuk menghadkan arahan radikal yang tuhan telah berikan kepada kita untuk mengasihi orang lain.

Ketika lelaki tersebut pergi ke Yeriko, identitinya tidak dapat dikenalpasti sepenuhnya. Kita diberitahu bahawa dia telah dipukul dan dibiarkan. Ini menyatakan bahawa dia mungkin dikenali dengan melihat kaum dan etniknya-wajahnya dan pakaiannya-telah dibuka. Sangat mustahil untuk mengenalinya samaada dia adalah orang Yahudi ataupun orang Samaria, ataupun daripada suku etnik yang lain. Imam itu dan orang Lewi tersebut, kemudiannya, mengelak lelaki ini kerana dia berkemungkinan bukan orang yahudi. Pemahaman mereka sebagai seorang jiran adalah hanya terhad kepada orang

-orang yang sama agama dan kumpulan etnik. Lebih daripada itu, mereka mungkin memahami risiko yang mereka hadapi dengan menolong orang luar daripada etnik mereka adalah tinggi daripada risiko dengan tidak menolong seseorang daripada kumpulan etnik mereka sendiri. Mereka lebih mementingkan perbezaan daripada soal belas kasihan, dan mereka lebih memihak kepada langkah berhati-hati daripada

memikirkan soal kasih. Walau bagaimanapun, bagi orang Samaria itu, dia memutuskan agar ianya lebih baik untuk menolong orang yang salah daripada gagal untuk membantu seseorang yang sepatutnya dia tunjukkan sikap untuk mengambil berat. Oleh yang demikian, ianya bukanlah perumpamaan mengenai kasih yang tidak bersyarat, tetapi keberanian untuk menunjukkan kasih. Daripada ketakutan untuk mengambil risiko untuk melakukan kesilapan untuk membantu seseorang yang tidak sepatutnya dibantu, sikap belas kasihan adalah salah satu daripada risiko kepada kesilapan semata-mata untuk mengambil berat kepada seseorang yang sedang memerlukan.

Jawapan Yesus kepada ahli agama itu, untuk mewarisi kehidupan yang kekal, kita tidak harus meletakkan sempadan untuk kasih. Allah memanggil kita untuk mengasihi semua orang, untuk mengambil berat tentang keperluan mereka, dan kita sendiri berani mengambil risiko untuk melindungi mereka ketika mereka lemah. Untuk diselamatkan kita harus mengasihi Yesus dan semua orang. Ini adalah satu permintaan yang sangat mencabar. Kita harus menganggap setiap orang asing yang yang tidak dikenali sebagai jiran kita haruslah dikasihi, dengan tidak mengambil kira sama ada mereka mengambil berat tentang kita atau tidak, sama ada mereka adalah orang yang bermoral atau tidak dan tanpa mengira agama yang mereka anuti.



"Laluan Berkhutbah" adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://lalanberkhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc



Menjadi seorang Jiran

Hukum di dalam teks: (bersambung dari mukasurat 11)

Yesus mengajar kita bahawa kita harus hidup dengan ciri-ciri yang mahal tentang kasih untuk melayakkan kita mewarisi hidup yang kekal. Bagaimana seseorang itu boleh hidup dengan kehidupan yang sentiasa dipenuhi kasih? Ianya normal untuk kita mengambil berat bagi orang-orang yang kita sangat rapat, sama ada kawan, keluarga, atau saudara-mara yang lain. Kita tidak akan mudah melepasi sempadan diantara negara, bangsa, agama, ekonomi, status, ataupun bahagian-bahagian yang lain. Kasih seperti itu sangat mustahil bagi kita. Tetapi Yesus mengatakan, “Pergilah dan lakukanlah demikian.” Kita diperintahkan untuk membuat sesuatu yang mustahil bagi kita jika kita mahu mewarisi kehidupan yang kekal.

Injil di dalam teks:

Ketika kita memikirkan bahawa sebagai manusia mustahil untuk mempunyai kasih yang tidak bersyarat untuk semua orang, Yesus sendiri hidup dengan kasih. Lukas memberikan gambaran bahawa Yesus telah memenuhi perintah yang dia katakan sendiri. Seorang sarjana di dalam Perjanjian Baru Lauri Thuren menjelaskan bahawa di dalam perkataan Yunani, bentuk tatabahasa mengenai sikap belas kasihan Yesus di dalam Lukas 7:13, apabila dia mempunyai sikap belas kasihan kepada ibu seorang pemuda yang telah meninggal dan membangkitkan dia semula, adalah perkara yang sama digunakan untuk menjelaskan juga sikap belas kasihan orang Samaria itu di dalam Lukas 10:33. Hal yang sama juga digunakan di dalam Lukas 15:20 untuk menjelaskan tentang seorang bapa yang menyambut kepulangan anak lelakinya yang sudah lama hilang dan kembali kepadanya. Di dalam ketiga-tiga teks ini, sikap belas kasihan ini mengembalikan semula apa yang telah hilang: kehidupan, kesihatan dan juga kedudukan di dalam keluarga. Thuren mencadangkan bahawa ini juga berkaitan dengan Yesus dan juga watak-watak di dalam semua perumpamaan ini. Sikap berbelas kasihan yang tidak bersyarat memberikan hidup yang baru, dan Yesus juga dipenuhi dengan sikap ini.

Sementara itu, kita memikirkan bahawa sukar bagi kita untuk memiliki sikap belas kasihan dan kasih yang tidak bersyarat yang melayakkan kita untuk mendapat kehidupan yang kekal, sikap belas kasihan Yesus memberikan satu kehidupan yang baru. Kasih Yesus kepada kita memperbaharui kita dan memberikan kehidupan yang kekal walaupun kita tidak memperolehnya. Kasih Yesus yang melakukannya untuk kita apabila kita tidak mampu untuk melakukannya. Inilah kuasa kepada kasih Kristus yang tidak bersyarat.

Perumpamaan ini juga tidak menyebut tentang Allah dan kasih Allah. Kasih Yesus didalam bentuk kemanusiaan juga tidak disebutkan secara langsung. Namun implikasinya adalah kasih yang tidak bersyarat yang Yesus katakan itu adalah salah satu sikap yang digambarkan sebagai sifat Allah.

“Laluan Berkhutbah” adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://lalanberkhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc

Menjadi seorang Jiran

Transformasi di dalam teks:

Yesus tidak bercakap tentang Allah secara langsung di dalam perumpamaan ini; ianya hanya berkisar mengenai cerita tentang interaksi sekular sosial diantara manusia. Implikasinya, walaupun ramai orang yang menuntut bahawa mereka adalah orang-orang Allah, ada permintaan untuk menjadi seseorang yang berbelas kasihan kepada semua orang, termasuklah orang asing.

Dalam hal ini, Yesus tidak berdebat dengan para ulama (dan implikasinya kepada kita juga) untuk menjadi seperti orang Samaria itu. Yesus menggalakkan kita untuk menjadi lebih mengasihi. Para imam dan orang Lewi itu gagal untuk membantu seseorang kerana mereka mungkin bukanlah jiran tersebut. Orang Samaria itu menghulurkan bantuan kerana orang itu mungkin adalah jirannya. Tapi, dengan melakukan demikian, orang Samaria itu menganggap dirinya sendiri sebagai seorang jiran. Perhatikan perubahan daripada isi perbincangan dengan para ulama tentang mengasihi jiran



seseorang kepada soalan terakhir yang Yesus tanyakan. Soalan Yesus adalah siapakah jiran lelaki itu. Di dalam sikap belas kasihan terhadap yang lain, orang Samaria itu menjadi jiran kepada lelaki tersebut. Lelaki itu mungkin tidak dilihat dalam situasi tersebut tapi sikap berbelas kasihan telah mengubah dia. Malahan, lebih daripada itu, orang-orang yang Allah telah panggil juga telah diubah dengan sikap seperti ini agar mereka menjadi seorang jiran kepada sesiapa sahaja yang mereka temui. Dengan demikian, mereka digerakkan untuk mengasihi mereka yang lain, walaupun ianya melampaui batas sosial yang dapat diterima oleh bahagian-bahagian tertentu.

Seterusnya, apakah perintah untuk mengasihi Allah dengan sepenuhnya dan juga mengasihi jiran kita seperti diri kita sendiri? Ianya mustahil untuk kita untuk mencapainya tapi ia adalah sifat-sifat Allah. Adakah itu bermakna bahawa kita telah terlepas daripada tugas kita untuk mengasihi? Teks tentang perumpamaan ini tidak menyatakan isu ini sahaja. Malahan gambaran cerita tentang perbualan Yesus dengan para ulama berakhir dengan perintah, "Pergilah dan lakukanlah demikian". Walaupun begitu, hukum ini masih lagi dilihat memberikan kesan. Di sini, kita harus berfikir dari sudut pandangan teologi tentang teks tersebut.

"Laluan Berkhutbah" adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://laluankhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc



Menjadi seorang Jiran

Transformasi di dalam teks: (bersambung dari mukasurat 13)

Jika

Belas kasihan yang tidak bersyarat adalah penting untuk hidup yang kekal

Dan belas kasihan Yesus yang tidak bersyarat telah membawakan kehidupan yang baru bagi kita,

oleh itu,

kehidupan baru yang Yesus berikan kepada kita dengan penuh belas kasihan adalah kehidupan untuk mengasihi yang lain,

dan ini membawa kita kepada satu kehidupan yang baru.

Dalam erti kata yang lain, perintah itu masih dipegang keatas kita. Kita diperintahkan untuk mengasihi, tetapi kita boleh mengasihi dengan menerima kasih daripada Kristus. Apabila kita menerima kasih Kristus, ianya mengubah siapa kita. Seperti yang sudah kita lihat, ia membawa kehidupan baru, kesihatan yang baru dan kehidupan, dan memperbaharui hubungan yang telah rosak. Apabila kita menerima kehidupan baru ini didalam Kristus, kita dianimasikan oleh kasih itu. Ia menggalakkan kita untuk mengasihi orang lain. Oleh itu, kita gunakan kasih yang kita telah terima di dalam Kristus untuk mengasihi orang lain. Dengan melakukan demikian kita hidup dengan kehidupan yang senantiasa berbelas kasihan dengan mengikuti perintah Kristus. Inilah pekerjaan Roh Kudus yang mengubah kita untuk menjadi orang yang berbelas kasihan kepada jiran-jiran kita. Dan yang sebenarnya, belas kasihan yang suci mengubah kita menjadi jiran yang sejati kepada orang lain, penuh dengan belas kasihan untuk mereka.

Refleksi Theologi:

Perumpamaan tentang orang Samaria yang baik bukanlah satu cerita yang mudah yang mendorong kita untuk melakukan perkara yang baik kepada orang lain. Tetapi kunci utama isu itu adalah soalan tentang sikap kita di dalam meresponi hukum Allah. Para imam dan orang Lewi risau jika berkemungkinan akan melanggar perintah Tuhan dengan menolong orang ini. Ketakutan mereka terhadap permintaan Allah untuk kesempurnaan menyebabkan mereka gagal untuk meresponi kepada yang memerlukan.

"Laluan Berkhutbah" adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://lalanberkhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc

Menjadi seorang Jiran

Refleksi Theologi: (bersambung dari mukasurat 14)

Ketakutan mereka itu yang menahan sikap belas kasihan mereka. Mereka melakukan hal yang betul di dalam ketelitian mereka untuk menyenangkan hati Allah dan mengikut perintah Allah.

Walau bagaimanapun, ianya bukan membimbing mereka kearah sikap belas kasihan tetapi sikap mereka itu menuju kepada sikap sambil lewa tanpa tindakan. Dengan demikian, mereka terlepas untuk mengambil kira soal kasih di dalam hukum Allah. Orang Samaria itu memahami bahawa keperluan untuk mengambil berat tentang orang lain adalah lebih penting daripada apa yang tertulis di dalam hukum. Dalam erti kata yang lain, kita boleh melihat kepada imam dan orang Lewi tersebut yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang pengetahuan intelek dalam teologi tetapi mereka tidak ada hati untuk kasih Allah, sedangkan orang Samaria itu dilihat sebagai seseorang yang memahami maksud perasaan tetapi dilihat sebagai sesuatu yang tidak berdasarkan kepada teologi.

Yesus juga sudah menekankan bahawa para ulama punya pemahaman yang betul. Tetapi soalan mengenai definisi tentang seorang jiran itu menjelaskan bahawa hati perlu diubah kearah sikap mengasihi dengan lebih lagi. Sebab itulah Yesus mengarahkan dia untuk hidup sesuai dengan perintah Allah di dalam hati dan tindakan dan bukan sesuka hati hanya melalui pengetahuan intelek sahaja. Daripada menjelaskan maksud sempadan kepada kasih Allah, para ulama haruslah menjalankan kehidupan yang penuh kasih. Melalui hal ini, perintah Yesus bukanlah hanya memberikan hukum. Malahan, dia secara terperinci menunjukan kepada para ulama ini mengenai apa yang mereka perlukan secara peribadi untuk mengubah kehidupannya kepada hidup yang dipenuhi dan dibimbing oleh Roh Kudus.

Kuasa transformasi yang datang daripada Kristus di dalam kehidupan kita adalah satu kuasa yang dapat membuka sempadan kepada kasih Allah. Ketika kita menerima pembaharuan hidup yang baru oleh Roh Kudus, kesedaran kita mengenai siapakah jiran itu juga akan dikembangkan. Kita akan menjadi seorang jiran bagi semua orang yang kita temui. Inilah yang menghubungkan kita dengan Allah yang pengasih dengan seluruh kehidupan kita, bukan sahaja untuk kita tapi untuk jiran-jiran kita di semua bangsa, agama, kewarganegaraan dan juga faktor-faktor yang memisahkan kita. Inilah kehidupan yang baru yang kita terima didalam Kristus: kehidupan yang penuh kasih.



“Laluan Berkhutbah” adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://lalanberkhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc

Menjadi seorang Jiran

Apa kata ahli Teologi:

“Oleh yang demikian (seorang Kristian) haruslah dibimbing di dalam semua pekerjaannya melalui pemikiran dan merenungkan hal ini selalu, yang mungkin akan melayani dan memberikan manfaat kepada orang lain di dalam semua yang dia lakukan, tanpa memikirkan apa-apa kecuali tentang keperluan dan kebaikan yang diperolehi oleh jiran mereka,”- Martin Luther, *Freedom of a Christian*. (kebebasan seorang Kristian.)

Bibliografi:

Lauri Thuren, *Parables Unplugged: Reading the Lukan Parables in Their Rhetorical Context*, (Minneapolis: Fortress, 2014).

Pujian:(Puji-Pujian Kristian. BCCM (BM))

1. Kerja buat Tuhan Manise. #295
2. Pakailah Ku Bagai Pelita. #302
3. Serahkan S'luruh Hidupku. #309



“Laluan Berkhutbah” adalah surat berita yang disediakan oleh Pusat Pengajian Lutheran (LSC)

<https://lalanberkhutbah.wordpress.com/> Email: lsc@stssabah.org

Peti surat: P.O. Box 11925, 88821 Kota Kinabalu, Sabah. Tel:088 231579 FB: Lutheran Study Centre lsc